

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JULY 2017

BERSARALAH ... UM-16/7/2017
Pg. 6



APAKAH harapan dan masa depan negara mahu disandarkan kepada mereka?

GESAAAN Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin agar Dr. Mahathir Mohamad, 92, Anwar Ibrahim, 70, dan Lim Kit Siang, 76, bersara daripada politik, menarik perhatian.

Awang sangat setuju. Masa dan realiti politik telah berubah. Era ketiga-tiganya sudah berlalu dan jenama politik mereka kini rosak teruk.

Dengan kata lain, mereka sudah tidak lagi relevan, bukan sahaja kerana faktor usia malah lebih daripada itu. Pendekatan pemimpin Pakatan Harapan - yang mengundang campur tangan asing dan mensabotaj ekonomi negara - menjatuhkan lagi reputasi mereka.

Pada Awang, salah satu faktor kepada kegagalan Dr. Mahathir, Anwar dan Kit Siang adalah pendekatan politik yang tidak lagi elegan.

Ini melepaskan kesempatan terbaik untuk meraih keyakinan rakyat yang selesa dengan politik sederhana dan membina. Sebab itu Awang tidak nampak struktur baharu Pakatan Harapan yang diumumkan kelmarin akan memberi impak.

Maka jika mahu diberi harapan baharu, gabungan parti pembangkang itu harus dibina semula tanpa kelibat Dr. Mahathir, Anwar dan Kit Siang. Rakyat berhak mendapat parti pembangkang yang lebih berkesan, bertanggungjawab, patriotik dan boleh dipercayai. Demi negara, inilah masanya.

Masa dan realiti politik telah berubah. Era ketiga-tiganya sudah berlalu dan jenama politik mereka kini rosak teruk.